

NO. SOALAN:5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN
MOHD JARJIS [ROMPIN]**

TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin] minta PERDANA MENTERI menyatakan peranan yang dimainkan oleh Koridor Pantai Timur (ECER):

- (a) dari segi membawa pelaburan dan mewujudkan pelbagai industri di kawasan luar bandar seperti di Rompin; dan
- (b) dalam membantu belia-belia setempat menjawat pelbagai pekerjaan lanjutan daripada pelaburan berkenaan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah ditubuhkan sebagai koridor ekonomi yang bertujuan bagi menangani masalah ketidakseimbangan wilayah melalui pertumbuhan pesat yang dilaksanakan secara berdaya maju, seimbang dan mampan. Daerah Rompin tersenarai dalam kawasan tumpuan pembangunan Mersing – Rompin, di mana aktiviti-aktiviti pelaburan adalah berdasarkan kepada sektor pertanian, perindustrian dan program pembangunan modal insan. Antara projek-projek yang dilaksanakan di Rompin melibatkan pelaburan swasta adalah seperti berikut:

- (i) Pembangunan Ladang Bersepadu Nanas Rompin (RIPP) berkeluasan 1,500 ekar di Kampung Tanam, di mana satu syarikat induk untuk projek ini telahpun dilantik pada 6 Mac 2013 dengan komitmen pelaburan swasta sebanyak RM45.6 juta. Jangkaan jumlah pengeluaran adalah 70,000 tan metrik setahun buah nanas segar jenis MD2; dan

- (ii) Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu (PPIL) seluas 600 ekar di Muadzam Shah, di mana satu syarikat induk bagi menjalankan operasi di ini dijangka akan dilantik pada Mei 2014 dan bakal membawa pelaburan swasta sebanyak RM12 juta. Projek ini apabila beroperasi sepenuhnya pada suku kedua 2015

dianggarkan sebanyak 1,200 ekor akan diternak dan jangkaan pengeluaran susu sebulan adalah 302,400 liter.

Selain itu, ECERDC juga turut mempromosikan Kawasan Perindustrian Muadzam Shah yang terletak di Daerah Rompin sebagai sebuah destinasi pelaburan bagi sektor pembuatan. Kawasan ini mempunyai potensi untuk dimajukan memandangkan ianya telah dilengkapi dengan infrastruktur asas mengikut keperluan semasa industri.

Dari segi penyediaan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat pula, projek-projek yang dilaksanakan seperti RIPP telah mengambil seramai 50 Orang Asli untuk bekerja dengan syarikat induk terutamanya di dalam aktiviti pembinaan, perladangan serta perkeranian dengan pendapatan di antara RM900 sehingga RM3,000 sebulan. Jumlah pekerja dari kalangan Orang Asli ini akan meningkat apabila ladang beroperasi sepenuhnya menjelang 2015. Bagi projek PPIL, dijangka akan menyediakan 100 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan menjelang 2020 dalam bidang profesional, teknikal, penyeliaan dan pekerjaan ladang.

ECER juga melaksanakan Program **empower** ECER yang memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan dalam kalangan masyarakat luar bandar bagi memenuhi keperluan pembangunan di ECER, iaitu Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan yang akan dimulakan pada April 2014 melibatkan 400 peserta. Program ini terbuka kepada semua penduduk yang

berkelayakan bagi meningkatkan pendapatan melalui penempatan pekerjaan atau menjadi usahawan.

Sekian, terima kasih.